

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Jumaat, 15 Disember 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA JADUAL INPUT-OUTPUT MALAYSIA 2021

Jumlah Penawaran dan Penggunaan merekodkan RM4.6 trilion pada 2021, meningkat 13.2 peratus daripada 2020, mencerminkan keupayaan Malaysia dalam menghadapi cabaran ekonomi yang berterusan.

PUTRAJAYA, 15 Disember 2023 - Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini mengeluarkan **Jadual Input-Output Malaysia 2021**. Jadual Input-Output (I-O) menyediakan maklumat terperinci mengenai aliran barang dan perkhidmatan dalam ekonomi, dengan mengukur rantai bekalan untuk pelbagai sektor. Selain itu, Jadual I-O dapat memberi maklumat mengenai prestasi ekonomi dan menggambarkan kesalingbergantungan antara pengeluaran, pengguna dan industri.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata "Jumlah penawaran dan penggunaan Malaysia mencatatkan RM4.6 trilion pada 2021, meningkat daripada RM4.1 trilion pada tahun 2020 (**Paparan 1**). Pertumbuhan tahunan dua-digit, 13.2 peratus mencerminkan pemulihan beransur-ansur daripada pandemik COVID-19 berikutan pembukaan semula ekonomi Malaysia. Sebagai rumusan 2021, daripada segi penawaran, peningkatan telah didorong oleh pengeluaran domestik yang mencatatkan nilai RM3,607.3 bilion (pertumbuhan 10.6%) dan import mencatatkan nilai RM981.9 bilion (pertumbuhan 25.4%). Daripada segi sumbangan, pengeluaran domestik menyumbang secara signifikan 78.0 peratus pada 2021, sementara import dan cukai bersih ke atas produk merekodkan sumbangan masing-masing 21.2 peratus dan 0.8 peratus. Pengeluaran domestik telah dipacu oleh sektor Pembuatan dengan sumbangan 45.0 peratus".

Daripada segi penggunaan, penggunaan akhir merekodkan 54.7 peratus (2020: 53.9%) manakala penggunaan perantaraan mencatatkan 45.3 peratus (2020: 46.2%). Penggunaan akhir meningkat 15.0 peratus daripada RM2,201.2 bilion pada 2020 kepada RM2,530.8 bilion pada 2021. Dalam komponen penggunaan akhir, eksport menyumbang tertinggi dengan 43.2 peratus dan diikuti oleh penggunaan swasta dengan 35.5 peratus. Pada masa yang sama, penggunaan perantaraan meningkat 11.0 peratus kepada RM2,097.0 bilion (2020: RM1,888.5 bilion).

Daripada konteks analisis rantai, sektor Pembuatan menunjukkan nilai 1.97 dan 1.76, masing-masing bagi rantai ke belakang dan rantai ke hadapan. Sektor Pembuatan dan Utiliti merupakan sektor utama dalam ekonomi. Pertumbuhan yang dialami dalam sektor-sektor ini akan mendorong pertumbuhan dalam sektor lain, disumbangkan oleh kebergantungan yang tinggi pada kedua-dua rantai penawaran dan penggunaan dalam ekonomi.

Daripada segi analisis pengganda, sektor Pembinaan mengekalkan kedudukannya sebagai penyumbang utama pengganda output dengan nilai 1.98 pada tahun 2021. Ini menunjukkan bahawa sektor Pembinaan akan merangsang pengeluaran domestik dalam ekonomi secara keseluruhan. Daripada sudut nilai ditambah pula, sektor Perlombongan dan kuari mencatatkan pengganda nilai tambah tertinggi iaitu 0.92.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “**Statistik Nadi Kehidupan**”.

Dikeluarkan oleh:


**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
15 Disember 2023**

LAMPIRAN I


Paparan 1: Jumlah Penawaran dan Penggunaan bagi tahun 2019, 2020 dan 2021

Jumlah Penawaran dan Penggunaan	2019	2020	2021
Nilai	4,382.8	4,089.6	4,627.8
Pertumbuhan	-	-6.7%	13.2%

Graf 1: Jumlah Sumbangan Penawaran 2019 - 2021



Graf 2: Jumlah Sumbangan Penggunaan 2019 - 2021



Nota: Termasuk perubahan inventori dan barangan berharga